

MT dijangka bincang siasatan dakwaan Adun

BH 21 MAY 2001

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad – Laporan siasatan jawatankuasa khas mengenai dakwaan Ahli Dewan Undangan Negeri Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkaitan politik wang adalah antara isu dijangka dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, esok.

MT dijangka membuat keputusan berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Lembaga Disiplin Umno setelah keterangan daripada kira-kira 20 saksi diambil dalam siasatan yang mengambil masa lima hari berturut-turut, baru-baru ini.

Mesyuarat yang akan dipengerusikan Datuk Seri

MT juga akan memutuskan sama ada menerima atau menolak rayuan enam ahli Umno, termasuk tiga ketua bahagian yang didapati bersalah kerana terbabit dengan politik wang

Dr Mahathir Mohamad itu juga akan memutuskan sama ada menerima atau menolak rayuan enam ahli Umno, termasuk tiga ketua bahagian yang didapati bersalah kerana terbabit dengan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian, baru-baru ini.

Bagaimanapun, belum diketahui sama ada isu terbaru iaitu Umno Sabah diberi kelonggaran menerima kaum Cina menyer-

tainya tanpa perlu dihut pindaan ke atas perlembagaan parti, akan turut dibincangkan atau tidak.

Sumber berkata, Presiden Umno itu mungkin menjelaskan dengan lebih lanjut rasional kenyataannya di Kota Kinabalu hari ini mengenai perkara itu, supaya difahami ahli MT serta mendengar maklum balas daripada mereka.

Sementara itu, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi berkata pihaknya belum tahu lagi sama ada laporan Fauzi mengenai politik wang dalam pencalonan jawatan ketua bahagian di Beserah, Mac lalu, akan dibincangkan atau tidak.

"Saya tak tahu sama ada laporan kes Datuk Fauzi akan dibentangkan. Yang pasti, rayuan enam ahli Umno (yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin) akan dipertimbangkan MT.

"Semuanya sudah membuat rayuan," katanya ketika ditemui selepas pertandingan golf amal Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP), di Shah Alam

dekat sini, hari ini.

Mengenai permintaan Pengerusi Lembaga Disiplin Umno, Tengku Ahmad Rithauddeen semalam bahawa jawatankuasa lembaga itu perlu ditambah empat orang lagi, beliau berkata, perkara ia tidak menjadi masalah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia boleh ditambah sehingga lima orang lagi tetapi perkara itu tidak perlu dibawa ke mesyuarat MT Umno esok.

Sebelum ini, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata bahawa siasatan mengenai dakwaan Fauzi sudah siap dan akan diserahkan kepada MT Umno, secepat mungkin.

Siasatan jawatankuasa itu dibuat berhubung dak-

laporan Beserah

waan Fauzi mengenai politik wang dalam pencalonan jawatan ketua bahagian di Beserah, Mac lalu. Bagaimanapun, bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu turut membuat laporan polis terhadap Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, atas dakwaan melakukan penyelewengan dalam pemberian kawasan balak ketika menjadi Menteri Besar Pahang.

Berikutan aduan itu, MT yang bermesyuarat 31 Mac lalu mengambil keputusan menggantung mesyuarat bahagian berkenaan sehingga segala siasatan terhadap aduan itu selesai. MT turut menubuh sebuah jawatankuasa khas untuk menyia-

sat segala aduan berkenaan.

Pada 5 Mei lalu itu juga, Tengku Ahmad Rithauddeen mengumumkan enam ahli Umno bersalah kerana didapati terbabit dengan politik wang pada pemilihan bahagian.

Mereka ialah Ketua Umno Bahagian Copeng, Mustafa Kamal Mohd Nawi; Ketua Penerangan Umno Bahagian Gopeng, Mohamad Annuar Baharuddin; calon Timbalan Ketua Umno Bahagian Bagan Serai, Zaki Din; Ketua Umno Bahagian Baling, Datuk Zainol Mohd Isa; Ketua Penerangan Umno Bahagian Selayang, Rahmat Abdullah dan Ketua Umno Bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar.